

Soalan Lazim (FAQ)

1. Apakah Biasiswa Siswi SAFI?

Biasiswa Siswi SAFI direka untuk memberi sokongan kepada pelajar wanita Malaysia yang cemerlang dan berpotensi tinggi, yang memerlukan bantuan kewangan, mempunyai pencapaian akademik yang baik (CGPA 3.0 ke atas), memiliki sifat kepimpinan dan beraspirasi tinggi, serta aktif dalam aktiviti komuniti atau kokurikulum. Biasiswa ini bertujuan untuk menampung yuran pengajian universiti dan menyediakan elaun berdasarkan semester bagi membantu pelajar menamatkan pengajian mereka.

2. Siapakah yang layak memohon Biasiswa Siswi SAFI?

- **Jantina & Umur:** Pelajar wanita berumur antara 18-25 tahun.
- **Kewarganegaraan:** Penduduk Malaysia dengan pengenalan yang sah (MyKad/MyPR).
- **Status Pendidikan:** Mesti berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa dan telah memulakan pengajian di IPTA yang disenaraikan di laman rasmi <https://biasiswasiswisafi.com.my/>.
- **Keperluan Kewangan:** Berasal dari isi rumah dengan jumlah pendapatan bersih kurang daripada RM10,000 sebulan.
- **Pencapaian Akademik:** Mempunyai CGPA 3.0 ke atas.
- **Kepimpinan dan Perkhidmatan Komuniti:** Menunjukkan ciri kepimpinan, beraspirasi dan aktif dalam aktiviti komuniti atau kokurikulum.
- **Rekod Disiplin:** Tidak mempunyai rekod disiplin, siasatan yang sedang berlansung, atau penggantungan sepanjang tempoh pengajian.

3. Bagaimana cara untuk memohon Biasiswa Siswi SAFI?

Pemohon mesti menghantar permohonan dalam talian melalui portal rasmi (<https://biasiswasiswisafi.com.my/>) dengan memberikan maklumat peribadi dan gambar diri.

Untuk Calon yang Disenarai Pendek: Pemohon dikehendaki memuat naik video pendek yang memperkenalkan diri dan menerangkan mengapa mereka layak menerima biasiswa ini.

4. Bagaimanakah penerima biasiswa dipilih?

Proses pemilihan Biasiswa Siswi SAFI dilakukan secara menyeluruh dan berperingkat bagi memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak dipilih.

Peringkat 1 - Semakan Permohonan:

- **Penyerahan Data Peribadi & Gambar:** Pemohon perlu menghantar maklumat peribadi dan gambar diri.

- **Penilaian Kelayakan & Misi SAFI:** Permohonan akan dinilai berdasarkan kriteria kelayakan serta keselarasan dengan misi SAFI untuk memperkasa dan memberi inspirasi kepada wanita muda di Malaysia.

Peringkat 2 - Penghantaran Video Pengenalan Diri (Untuk Calon yang Disenarai Pendek):

- **Video Pengenalan Diri:** Calon yang disenarai pendek perlu menghantar video ringkas yang memperkenalkan diri serta menjelaskan motivasi dan aspirasi mereka, termasuk sebab mereka layak menerima biasiswa ini.

Peringkat 3 - Temu Duga Dalam Talian:

- **Temu Duga Video:** Calon yang disenarai pendek akan menjalani temu duga dalam talian yang dikendalikan oleh wakil SAFI untuk menilai kesesuaian mereka untuk menerima biasiswa ini.

Peringkat 4 - Jemputan ke Kem Kepimpinan:

- **40 Finalis Terbaik:** 40 calon yang disenarai pendek akan dijemput ke kem kepimpinan yang bertujuan untuk menilai personaliti, sifat kepimpinan, dan daya kreatif mereka melalui pelbagai cabaran sosial.

Peringkat 5 - Pengumuman Penerima Biasiswa:

- **Majlis Anugerah Biasiswa:** 25 finalis terbaik* akan dipilih sebagai penerima biasiswa. Mereka diwajibkan menghadiri majlis penyampaian biasiswa, dengan butiran mengenai lokasi, masa, dan tarikh akan diberikan oleh SAFI.

*Tertakluk kepada Terma & Syarat.

5. Apakah yang ditanggung oleh Biasiswa Siswi SAFI?

Biasiswa ini menanggung yuran pengajian universiti seperti yang ditetapkan oleh pihak universiti dan elaun tetap setiap semester. Ia tidak meliputi sebarang perbelanjaan tambahan selain yang dinyatakan.

6. Bilakah tarikh akhir permohonan?

Tarikh akhir permohonan adalah seperti yang dinyatakan di laman rasmi <https://biasiswasiswisafi.com.my/>.

7. Berapa banyak biasiswa yang ditawarkan?

Sebanyak 25 biasiswa* akan diberikan kepada pelajar wanita yang memenuhi semua kriteria kelayakan dan berjaya melalui semua peringkat pemilihan.

*Tertakluk kepada Terma & Syarat.

8. Bolehkah saya memohon Biasiswa Siswi SAFI jika saya sudah menerima biasiswa lain?

Tidak. Pemohon yang sedang menerima sebarang bentuk tajaan, pinjaman, atau bantuan kewangan dari mana-mana organisasi, sama ada dalam atau luar negara (contohnya, PTPTN, JPA, atau MARA), tidak layak untuk memohon. Walau bagaimanapun, pemohon yang sedang menerima bantuan kewangan boleh memohon tetapi mesti menamatkan bantuan tersebut jika menerima Biasiswa Siswi SAFI. Pihak SAFI tidak akan bertanggungjawab terhadap pembayaran semula sebarang pinjaman atau bantuan kewangan yang ditamatkan.

9. Apa yang berlaku selepas saya memohon?

Selepas tarikh akhir permohonan, semua permohonan akan melalui proses semakan. Hanya calon yang disenarai pendek akan menerima notifikasi melalui e-mel atau panggilan telefon mengenai langkah seterusnya.

10. Apakah yang boleh dijangkakan bagi setiap penerima Biasiswa Siswi SAFI sepanjang tempoh biasiswa dan apakah akan berlaku jika penerima gagal memenuhi jangkaan/kriteria?

Semua penerima biasiswa mesti mengekalkan prestasi akademik yang tinggi sepanjang tempoh pengajian. Mereka perlu menyelesaikan semua tugas kursus, peperiksaan, dan/atau disertasi serta mengekalkan GPA 3.0 atau lebih setiap semester. Jika gagal memenuhi syarat ini, biasiswa boleh ditamatkan.

11. Adakah saya perlu membuat bayaran semula kepada SAFI atau bekerja di SAFI selepas tamat pengajian?

Tidak, penerima Biasiswa Siswi SAFI tidak perlu membuat bayaran semula kepada SAFI atau terikat untuk bekerja dengan SAFI selepas tamat pengajian. Namun, mereka layak memohon untuk menyertai Program Latihan Pengurusan SAFI dengan keutamaan untuk terus ke tahap 3 atau 4 sesi temu duga. Selain itu, mereka juga berpeluang menyertai program “1-MINGGU BERSAMA SAFI” bagi persediaan memasuki alam pekerjaan.

12. Apakah yang boleh menyebabkan biasiswa ditamatkan?

Biasiswa boleh ditamatkan sekiranya penerima gagal memenuhi piawaian akademik atau tingkah laku, termasuk jika terlibat atau mempunyai niat untuk terlibat dalam pergerakan politik/aktiviti haram yang boleh menjejaskan imej jenama SAFI. Biasiswa juga boleh ditamatkan sekiranya penerima melanggar syarat program atau memberikan maklumat palsu dalam permohonan.